

KRITERIA DAN PANDUAN PERMOHONAN LESEN MPOB



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MPOB)
KEMENTERIAN INDUSTRI UTAMA**

6, Persiaran Institusi, Bandar Baru bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia
www.mpob.gov.my

Unit Pelesenan
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
Wisma Sawit
Lot 6, SS6, Jalan Perbandaran
47301 Kelana Jaya, Selangor
Tel: 03-78022800
Fax: 03-78034014

Cetakan: 2018

PRAKATA

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melalui aktiviti pelesenan dan penguatkuasaan memainkan peranan penting dalam mengawalselia industri sawit negara supaya ia berkembang maju dan berdaya saing. Objektif pelesenan industri sawit ialah menentukan industri berkembang dengan sihat, sempurna dan teratur. Objektif ini dapat dicapai dengan menjalankan fungsi mengatur, mengawal dan menyelaras semua aktiviti-aktiviti berhubung dengan penanaman, pengilangan, penjualan, pembelian, penghasilan, pengalihan, penyimpanan, pengukuran, pengujian, pengeksportan dan pengimportan keluaran kelapa sawit. Semua aktiviti ini didaftar dan dilesenkan mengikut perundangan yang termaktub di dalam Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) dan Peraturan-Peraturan subsidiari di bawahnya.

Lembaga MPOB telah menetapkan dasar-dasar pelesenan yang merangkumi kriteria permohonan lesen baru, pembaharuan lesen, syarat-syarat lesen serta prosedur pengeluaran lesen. Buku Kriteria dan Panduan Permohonan Lesen MPOB ini disediakan sebagai rujukan kepada pemohon lesen supaya memahami segala keperluan sebelum mengemukakan sesuatu permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011. Kini kaedah permohonan lesen telah dipermudahkan di mana semua permohonan berkaitan pelesenan seperti permohonan baharu, pembaharuan, perubahan maklumat dan sebagainya dibuat secara atas talian sepenuhnya bagi kemudahan pengguna. Diharapkan buku ini dapat memberi kefahaman dan panduan kepada orang ramai yang berhasrat menceburi bidang perniagaan dalam industri sawit dan memohon lesen.

Datuk Dr. Ahmad Kushairi Din
Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

KANDUNGAN

Prakata	
Senarai Singkatan	
Pengenalan	1
Jadual Fi Lesen MPOB	3
Kategori Lesen (Peraturan 11)	4
Pengelasan dan Singkatan Keluaran Kelapa Sawit (Peraturan 4)	5
Aktiviti dan Keluaran Kelapa Sawit yang Dilesen (Peraturan 5)	6
Dokumen Sokongan Bagi Permohonan Lesen	7
Kriteria Permohonan Lesen	8
Sektor Perladangan	8
Kebun Kecil (SH)	8
Estet (ET)	9
Tapak Semaian (NN)	10
Penghasil Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (NT)	11
Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit (NS)	12
Sektor Pengilangan	13
Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (MB)	13
Kilang Buah Kelapa Sawit (MB Ke MF)	15
Kilang Buah Kelapa Sawit - Ambil Alih (MF)	16
Kilang Buah Kelapa Sawit (Tambahan Daya Pemprosesan) (MF)	17
Kilang Pelumat Isirung Sawit (CF)	18
Kilang Penapis (RF)	19
Kilang Oleokimia Sawit (CM)	20
Sektor Perniagaan	21
Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit (DN)	21
Peniaga Tumbuh-Tumbuhan daripada Tisu Kelapa Sawit (DT)	22
Peniaga Buah Kelapa Sawit (DF)	23
Peniaga Minyak Sawit (DL)	25
Peniaga Isirung Sawit (DK)	26
Peniaga Oleokimia Sawit (DM)	26
Peniaga Asid Lemak Sawit (DA)	27
Sektor Perkhidmatan	28
Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (KB)	28
Kemudahan Simpanan Pukal (KS)	29
Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit (UK)	30
Makmal (Ujian Keluaran Kelapa Sawit) (LB)	31
Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit (PX)	32
Pengimport Keluaran Kelapa Sawit (PM)	33
Pengangkutan Minyak Kelapa Sawit (TL)	34
Alamat Pejabat MPOB Wilayah dan Cawangan	35

SENARAI SINGKATAN

Kategori Lesen:

CF	-	Kilang Pelumat Isirung Sawit
CM	-	Kilang Oleokimia Sawit
DA	-	Peniaga Asid Lemak Sawit
DF	-	Peniaga Buah Kelapa Sawit
DK	-	Peniaga Isirung Sawit
DL	-	Peniaga Minyak Sawit
DM	-	Peniaga Oleokimia Sawit
DN	-	Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit
DT	-	Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
DX	-	Peniaga Pelbagai Aktiviti
ET	-	Estet
KB	-	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal
KS	-	Kemudahan Simpanan Pukal
LB	-	Makmal (Ujian Keluaran Kelapa Sawit)
MB	-	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit
MF	-	Kilang Buah Kelapa Sawit
NN	-	Tapak Semaian
NS	-	Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit
NT	-	Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
PM	-	Pengimport Keluaran Kelapa Sawit
PX	-	Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit
RF	-	Kilang Penapis
SH	-	Pekebun Kecil
TL	-	Pengangkutan Minyak Kelapa Sawit
UK	-	Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit

Keluaran Kelapa Sawit:

CPKO	-	Minyak Isirung Sawit Mentah
CPO	-	Minyak Sawit Mentah
FFB	-	Buah Kelapa Sawit
PCM	-	Oleokimia Sawit
PFA	-	Asid Lemak Sawit
PFOPT	-	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
PK	-	Isirung Sawit
PKC	-	Bungkil Isirung Sawit
PPKO	-	Minyak Isirung Sawit Yang Diproses
PPO	-	Minyak Sawit Yang Diproses
SDS	-	Biji Benih Kelapa Sawit
SLGBIJI	-	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Kelapa Sawit
SLGTISU	-	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
SPO	-	Minyak Sawit Keladak

PENGENALAN

Industri sawit Malaysia telah berkembang pesat dan antara penyumbang utama kepada ekonomi dan pendapatan negara. Industri ini menyediakan peluang perniagaan yang luas dalam sektor perladangan, pengilangan, perniagaan dan perkhidmatan. Peraturan 5 (1), Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 telah memperuntukan seseorang yang melakukan sesuatu aktiviti yang mana suatu lesen diperlukan perlu terlebih dahulu mendapatkan lesen daripada MPOB. Aktiviti-aktiviti yang perlu dilesenkan seperti berikut:

- i. menghasilkan bahan tanaman kelapa sawit.
- ii. menjual atau mengalih bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- iii. membeli buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit atau asid lemak sawit.
- iv. menyimpan bahan tanaman kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- v. memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit.
- vi. mengilang buah kelapa sawit.
- vii. memulakan pembinaan kemudahan simpanan pukal bagi keluaran kelapa sawit.
- viii. mengukur atau menguji bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.
- ix. mengeksport dan mengimport. bahan tanaman kelapa sawit, buah kelapa sawit, minyak sawit, isirung sawit, bungkil isirung sawit, asid lemak sawit atau oleokimia sawit.

MPOB sentiasa peka dengan kemajuan dan perkembangan pesat industri maka itu dari masa ke semasa mengkaji kriteria-kriteria permohonan lesen supaya ia menepati keperluan semasa. Buku Kriteria dan Panduan Permohonan Lesen MPOB ini disediakan sebagai rujukan untuk memohon lesen di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 serta Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) (Pindaan) 2011.

Permohonan lesen perlu memenuhi kriteria yang ditetapkan sebagai asas bagi MPOB memperaku dan meluluskan sesuatu permohonan lesen itu. Permohonan lesen hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang MyLesen MPOB.

Sistem MyLesen MPOB menyediakan dua jenis perkhidmatan iaitu:-

1. e-lesen: <http://e-lesen.mpob.gov.my> (lesen kategori utama) bagi pemohon yang terlibat dalam industri sawit bagi sektor perladangan, pengilangan, perniagaan dan perkhidmatan.

- ✓ Permohonan Lesen Baru
- ✓ Pembaharuan Lesen
- ✓ Pindaan Butiran Lesen
- ✓ Tambah Aktiviti
- ✓ Tambahan Daya Pemprosesan Kilang Buah Kelapa Sawit
- ✓ Permohonan Rayuan

2. e-lesenpk: <http://e-lesenpk.mpob.gov.my> (lesen kategori kebun kecil) bagi pemohon yang memiliki kebun kelapa sawit kurang daripada 100 ekar atau 40.46 hektar.

- ✓ Permohonan Lesen Baru
- ✓ Pembaharuan Lesen
- ✓ Pindaan Butiran Lesen

JADUAL FI LESEN MPOB

AKTIVITI DAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT	FFB	PK	PFA	PCM	PKC	SDS	SLG BIJI
Menghasilkan						100.00	100.00
Menjual dan Mengalih	100.00	100.00	100.00	100.00		100.00	100.00
Membeli dan Mengalih	100.00	100.00	100.00				
Menyimpan		100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (RM500.00)							
Mengilang Buah Kelapa Sawit	500.00						
Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (RM500.00)							
Mengukur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menguji	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengeksport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengimport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengalih							

AKTIVITI DAN KELAS KELUARAN KELAPA SAWIT	SLGTISU	PFOPT	CPO	PPO	CPKO	PPKO	SPO
Menghasilkan	100.00	100.00					
Menjual dan Mengalih	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Membeli dan Mengalih			100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menyimpan	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal (RM500.00)							
Mengilang Buah Kelapa Sawit							
Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit (RM500.00)							
Mengukur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Menguji	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengeksport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengimport	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
Mengalih			100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

Nota:

Fi rayuan kategori MF dan PM – RM1,000.00

Fi rayuan bagi lain-lain kategori – RM 500.00

Singkatan Keluaran Kelapa Sawit:

FFB	Buah Kelapa Sawit
PK	Isirung Sawit
PFA	Asid Lemak Sawit
PCM	Oleokimia Sawit
PKC	Bungkil Isirung Sawit
SDS	Biji Benih Kelapa Sawit
SLGBIJI	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Biji Benih Kelapa Sawit
SLGTISU	Anak Benih Kelapa Sawit Daripada Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
PFOPT	Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit
CPO	Minyak Sawit Mentah
PPO	Minyak Sawit Yang Diproses
CPKO	Minyak Isirung Sawit Mentah
PPKO	Minyak Isirung Sawit Yang Diproses
SPO	Minyak Sawit Keladak

KATEGORI LESEN

**PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PELESENAN) 2005
(PPLMSM (Pelesenan) 2005)**

(PERATURAN 11)

Bil.	Kategori Lesen	Kod
1	Kebun Kecil	SH
2	Estet	ET
3	Tapak Semaian	NN
4	Penghasil Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	NT
5	Penghasil Biji Benih Kelapa Sawit	NS
6	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit	MB
7	a. Kilang Buah Kelapa Sawit (MB ke MF)	MF
	b. Kilang Buah Kelapa Sawit - Ambil Alih (MF)	MF
	c. Kilang Buah Kelapa Sawit (Tambahan Daya Pemprosesan)	MF
8	Kilang Pelumat Isirung Sawit	CF
9	Kilang Penapis	RF
10	Kilang Oleokimia Sawit	CM
11	Peniaga Biji Benih Kelapa Sawit dan Anak Benih Kelapa Sawit	DN
12	Peniaga Tumbuh-Tumbuhan Daripada Tisu Kelapa Sawit	DT
13	Peniaga Buah Kelapa Sawit	DF
14	Peniaga Minyak Sawit	DL
15	Peniaga Isirung Sawit	DK
16	Peniaga Oleokimia Sawit	DM
17	Peniaga Asid Lemak Sawit	DA
18	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal	KB
19	Kemudahan Simpanan Pukal	KS
20	Pengukuran Keluaran Kelapa Sawit	UK
21	Makmal (Ujian Keluaran Kelapa sawit)	LB
22	Pengeksport Keluaran Kelapa Sawit	PX
23	Pengimport Keluaran Kelapa Sawit	PM
24	Pengangkutan Minyak Kelapa Sawit	TL

Nota	<p>Bukan kategori lesen di bawah PPLMSM (Pelesenan) 2005:</p> <p>Peniaga Pelbagai Kategori (DX):</p> <p style="padding-left: 40px;">- Peniaga pelbagai aktiviti bagi kategori lesen DL,DA, DK, DM, PX</p>
-------------	--

**PENGELASAN DAN SINGKATAN KELUARAN KELAPA SAWIT
(PERATURAN 4)**

Bil.	Kelas Keluaran Kelapa Sawit	Singkatan
1	Buah Kelapa Sawit	FFB
2	Isirung Sawit	PK
3	Asid Lemak Sawit	PFA
4	Oleokimia Sawit	PCM
5	Bungkil Isirung Sawit	PKC
6	Bahan Tanaman Kelapa Sawit	OPPM
	6.1 Biji Benih Kelapa Sawit	SDS
	6.2 Anak Benih Kelapa Sawit	SLG
	(a) Anak benih kelapa sawit daripada biji benih kelapa sawit	SLGBIJI
	(b) Anak benih kelapa sawit daripada tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit	SLGTISU
	6.3 Tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit	PFOPT
7	Minyak Sawit	PO
	7.1 Minyak Sawit Mentah	CPO
	7.2 Minyak Sawit Yang Diproseskan	PPO
	7.3 Minyak Isirung Sawit Mentah	CPKO
	7.4 Minyak Isirung Sawit Yang Diproseskan	PPKO
	7.5 Minyak Sawit Keladak	SPO

**AKTIVITI DAN KELUARAN KELAPA SAWIT YANG DILESEN
(PERATURAN 5)**

Peraturan	Aktiviti Dan Kelas Keluaran Kelapa Sawit	Pengecualian (Di bawah Peraturan 6)
P5(1)(a)	Menghasil OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT)	P6(a) - membeli, menjual, mengalih atau menyimpan PPO dalam bentuk bungkusan tidak melebihi 25kg berat bersih. P6(b) - jika orang itu mengalih OPPM, FFB, PK, PFA atau PCM bagi pihak atau untuk seseorang yang dilesenkan untuk mengalih.
P5(1)(b)	Menjual atau Mengalih OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PFA atau PCM	
P5(1)(c)	Membeli FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK atau PFA	
P5(1)(d)	Menyimpan OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM	P6(d) - menyimpan atau mengalih anak benih kelapa sawit untuk tanaman ladang sendiri. P6(e) - menyimpan PKC bagi makanan binatang ternakannya. P6(g) - menyimpan PCM bagi kegunaan sendiri dan bukan bagi maksud menjual kepada mana-mana orang.
P5(1)(e)	Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit	-
P5(1)(f)	Mengilang Buah Kelapa Sawit	-
P5(1)(g)	Memulakan Pembinaan Kemudahan Simpanan Pukal Keluaran Kelapa Sawit	P6(c) - apabila jumlah keupayaan tidak melebihi 10,000 metrik tan.
P5(1)(h)	Mengukur atau Menguji OPPM (SDS, SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM	P6(f) - menguji apa-apa keluaran kelapa sawit selain daripada maksud komersil.
P5(1)(i)	Mengeksport atau Mengimport OPPM (SDS,SLGBIJI, SLGTISU, PFOPT), FFB, PO (CPO, PPO, CPKO, PPKO, SPO), PK, PKC, PFA atau PCM.	-

DOKUMEN SOKONGAN BAGI PERMOHONAN LESEN

Pendaftaran Perniagaan Atau Syarikat
Pemilikan Tunggal / Perkongsian.
<ol style="list-style-type: none">1. Salinan kad pengenalan terbaru pemilik.2. Salinan Borang D-Perakuan Pendaftaran Perniagaan (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) (SSM) bagi perniagaan di Semenanjung.3. Salinan Borang A atau B-Maklumat Perniagaan (Akta Pendaftaran Perniagaan 1956) bagi perniagaan di Semenanjung.4. Salinan Borang B-Lesen Berniaga (Ordinan Pelesenan Perdagangan 1948 Negeri Sabah) bagi perniagaan di Negeri Sabah.5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan (Ordinan Nama-nama Perniagaan (CAP 64) (Negeri Sarawak) bagi perniagaan di Negeri Sarawak.6. Salinan Borang 1-Ordinan Perniagaan, Profesion Dan Pelesenan Perdagangan Negeri Sarawak bagi perniagaan di Negeri Sarawak.
Sendirian Berhad / Berhad
<ol style="list-style-type: none">1. Salinan Borang 9 Terkini (Jika Terdapat Pertukaran Nama Syarikat, Sila sertakan Borang 13).2. Salinan Borang 24 Terkini (Jika Terdapat Perpindahan Saham Terkini, Sila sertakan Borang 32 atau Borang 11).3. Salinan Borang 49 / 79 Terkini.4. Salinan Borang 44 Terkini.5. Sekiranya syarikat didaftarkan selepas 31 Januari 2016, Akta SSM adalah di bawah Akta Syarikat 2016 dan menggunakan Borang Teras. Profil syarikat diperolehi daripada SSMInfo. Pembelian dokumen melalui sistem MyLesen MPOB.
Koperasi
<ol style="list-style-type: none">1. Salinan Perakuan Pendaftaran Koperasi.2. Senarai Nama Ahli Jemaah Koperasi.3. Laporan Tahunan dan Undang-undang Kecil Koperasi.
Agensi Kerajaan
<ol style="list-style-type: none">1. Salinan Dokumen Penubuhan Di Bawah Akta Parlimen Atau Kementerian masing-masing.2. Senarai Nama Ahli Jemaah.3. Undang-undang Kecil Pertubuhan.4. Perbadanan di bawah Enakmen Negeri.
Pertubuhan
<ol style="list-style-type: none">1. Salinan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).2. Senarai Nama Ahli Lembaga Pengarah.3. Laporan Tahunan.

KRITERIA PERMOHONAN LESEN MPOB

(BERKUATKUASA: 1 JUN 2016; KECUALI MB DAN DF
BERKUATKUASA 1 JUN 2017)

SEKTOR PERLADANGAN

KEBUN KECIL (SH)
<p>BENTUK PERNIAGAAN Menjual buah kelapa sawit dari kebun sendiri atau pajakan. Keluasan ladang kurang daripada 100 ekar (40.46 hektar).</p>
<p>AKTIVITI Menjual dan Mengalih Buah Kelapa Sawit (FFB).</p>
<p>KRITERIA</p> <ol style="list-style-type: none">1. Entiti Perniagaan Yang Sah.<ol style="list-style-type: none">i. Perseorangan (Kad Pengenalan).ii. Perkongsian / Syarikat Sdn Bhd / Koperasi (Dokumen pendaftaran syarikat).2. Pemilikan Premis.<ol style="list-style-type: none">a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis. Bukti melalui:<ol style="list-style-type: none">i. Sendiri - Salinan Geran.ii. Pajak / Sewa - surat perjanjian pajak atau sewa.b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.

ESTET (ET)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjual buah kelapa sawit (FFB) dari ladang sendiri atau pajakan. Keluasan ladang lebih daripada 100 ekar (40.46 hektar).

AKTIVITI

Menjual dan Mengalih Buah Kelapa Sawit (FFB).

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.
 - i. Perseorangan (Kad Pengenalan).
 - ii. Perkongsian / Syarikat Sdn Bhd / Koperasi (Dokumen pendaftaran syarikat)
2. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
Bukti melalui:
 - i. Sendiri - Salinan Geran.
 - ii. Pajak / Sewa - surat perjanjian pajak atau sewa.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
3. Laporan *Environmental Impact Assesment* (EIA).

Mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) jika keluasan tanaman sawit baru melebihi 500 ha.

TAPAK SEMAIAN (NN)

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan anak benih kelapa sawit daripada biji benih kelapa sawit (SLGBIJI) atau daripada tumbuhan daripada tisu kelapa sawit (SLGTISU) untuk dijadikan bahan tanaman di tapak semaian yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan SLGBIJI, SLGTISU.
2. Menjual Dan Mengalih SLGBIJI, SLGTISU.
3. Menyimpan SLGBIJI, SLGTISU.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.

2. Modal: RM 25,000.00

Bukti modal:

- i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
 - ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan / Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
 - iii. Koperasi - Pemilikan Syer.
3. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
Bukti melalui:
Surat hakmilik tanah, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
 4. Kesesuaian Premis.
 - i. Keluasan minimum tapak semaian seluas 1 hektar atau jumlah keluasan agregate 1 hektar dalam mukim yang sama.
 - ii. Premis yang sesuai seperti kecerunan, sumber air, tidak mudah banjir atau air bertakung, tiada lindungan pokok besar.
 5. Lulus Ujian Tapak Semaian.
Mempunyai pengarah / pegawai dan kakitangan yang telah hadir kursus dan lulus ujian Pengurusan dan Penyelenggaraan Nurseri Sawit anjuran MPOB yang berkhidmat dengan pemohon.

PENGHASIL TUMBUH -TUMBUHAN DARIPADA TISU KELAPA SAWIT (NT)

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan tumbuh-tumbuhan daripada tisu kelapa sawit (PFOPT) untuk dijadikan bahan tanaman di pusat yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan PFOPT.
2. Menjual Dan Mengalih PFOPT.
3. Menyimpan PFOPT.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.
2. Modal: RM 500,000.00

Bukti modal:
 - i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
 - ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan /Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
 - iii. Koperasi - Pemilikan Syer.
3. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
Bukti melalui:
Surat hakmilik premis, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
4. Kelulusan Agensi Lain.
Sijil Pengiktirafan SIRIM QAS (MS 2099: 2008)

PENGHASIL BIJI BENIH KELAPA SAWIT (NS)

BENTUK PERNIAGAAN

Menghasilkan biji benih kelapa sawit (SDS) bercambah dari pusat yang disediakan khas dan lengkap dengan peralatan yang sesuai.

AKTIVITI

1. Menghasilkan SDS.
2. Menjual Dan Mengalih SDS.
3. Menyimpan SDS.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah
2. Modal: RM 500,000.00
Bukti modal:
 - i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
 - ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan / Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
 - iii. Koperasi - Pemilikan Syer.
3. Pemilikan Premis.
 - a. Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
Bukti melalui:
Surat hakmilik premis, pajakan, sewaan, perjanjian jual beli, kebenaran menduduki daripada pemilik atau dokumen-dokumen lain berkaitan.
 - b. Di atas tanah yang belum disukat, tidak berhakmilik atau tanah NCR perlu dapatkan surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri / Jabatan Tanah dan Survei Sarawak atau kelulusan pihak yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak / Jabatan Tanah dan Ukur Sabah.
4. Kelulusan Agensi Lain.
Sijil Pengiktirafan SIRIM QAS (MS 157:2017)

SEKTOR PENGILANGAN

MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit bagi membolehkan syarikat mengilang buah kelapa sawit.

AKTIVITI

Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.
2. Modal: RM 5,000,000.00

Bukti modal:
 - i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
 - ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan / Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
 - iii. Koperasi - Pemilikan Syer.
3. Pemilikan Premis.
Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
 - i. Pemilikan kekal (*free hold*); atau
 - ii. Pegangan Pajakan Negeri (*State Lease hold*).Bukti Pemilikan:
Surat hakmilik tanah atau perjanjian jual beli. (Nota: Tanah tapak kilang didaftarkan atas nama pemohon).
4. Prasarana (Kesesuaian Premis).
 - a. Kelulusan Agensi Lain.
 - i. Jabatan Alam Sekitar – Kebenaran Bertulis (KB).
 - ii. Kelulusan Kerajaan Negeri (UPEN - Unit Perancang Ekonomi Negeri) / Kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan persekutuan atau negeri yang berkaitan.
 - b. Sumber Bekalan FFB
 - i. Permohonan lesen bagi aktiviti membina kilang buah kelapa sawit perlu mengemukakan bukti keluasan ladang sekurang-kurangnya 4,000 hektar yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan akan berhasil apabila kilang dijangka beroperasi.
 - ii. Keluasan ladang bagi perkara (i) di atas boleh terdiri daripada:
 - a) Ladang sendiri / kumpulan / subsidiari / sekutu; dan/atau
 - b) Ladang atau kebun luar dengan mengemukakan surat perjanjian jangka panjang (melebihi 3 tahun) bekalan buah kelapa sawit dan tidak terikat / bertindih dengan perjanjian bekalan untuk membekal buah kelapa sawit kepada mana-mana pembinaan kilang buah kelapa sawit (MB) yang lain.
 - c) Sumber bekalan buah kelapa sawit bagi perkara (a) dan (b) hendaklah berada dalam jarak 200 km.

(sambungan...)

MEMULAKAN PEMBINAAN KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk memulakan pembinaan kilang buah kelapa sawit bagi membolehkan syarikat mengilang buah kelapa sawit.

AKTIVITI

Memulakan Pembinaan Kilang Buah Kelapa Sawit.

(...sambungan)

5. Kajian Fesibiliti.
Pemohon perlu menyediakan laporan '*feasibility study*' berkaitan sumber bekalan FFB, kajian pasaran, keperluan daya pemrosesan, teknologi yang akan digunakan, pelan pengurusan biomassa (*methane trapping*).
6. Pengurusan Gas Metana dan Biogas.
Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014, satu (1) syarat baru permohonan lesen telah dikenakan di mana kilang-kilang baru mesti mempunyai kemudahan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana.
7. Tempoh Siap MB:
 - i. Syarikat yang telah diluluskan lesen MB hendaklah menyiapkan pembinaan kilang dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh surat kelulusan.
 - ii. Kegagalan untuk menyiapkan pembinaan kilang membolehkan Lembaga, tanpa terikat dengan mana-mana undang-undang membatalkan lesen tersebut.
 - iii. Sekiranya kerja - kerja pembinaan kilang telah melepasi peringkat kerja - kerja penyediaan tapak berdasarkan Borang MPOB (EL) MB4, pemegang lesen boleh mengemukakan pelanjutan tempoh sehingga maksimum 12 bulan.
 - iv. Permohonan pelanjutan tempoh pembinaan hendaklah dikemukakan kepada Lembaga dalam tempoh 90 hari sebelum tarikh tamat tempoh yang dilesenkan.
 - v. Pelanjutan tempoh kali kedua adalah tidak dibenarkan.

Tarikh Kuatkuasa: 1 Jun 2017

(Nota: Surat perjanjian (jangka panjang) bekalan buah kelapa sawit hendaklah berstem dan ditandatangani oleh pemilik ladang, CEO atau pengarah syarikat yang berkepentingan, dan dikemukakan satu salinan ASAL kepada MPOB).

KILANG BUAH KELAPA SAWIT (MB ke MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjalankan aktiviti mengilang buah kelapa sawit (FFB) yang diterima atau dibeli dari ladang sendiri, ladang luar, kebun kecil atau peniaga buah kelapa sawit. Menghasilkan minyak sawit mentah (CPO) dan isirung sawit (PK). Turut menjalankan aktiviti menjual dan mengeksport CPO, PK, SPO.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.
2. Modal: RM 5,000,000.00
Bukti modal:
 - i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
 - ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan / Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
 - iii. Koperasi - Pemilikan Syer.
3. Pemilikan Premis.
Pemilikan sah ke atas tanah / premis.
 - i. Pemilikan kekal (*free hold*); atau
 - ii. Pegangan Pajakan Negeri (*State Lease hold*).Bukti Pemilikan:
Surat hakmilik tanah/ tapak kilang atas nama pemohon.
4. Prasarana (Kesesuaian Premis).
 - a. Kelulusan Agensi Lain.
 - i. Jabatan Alam Sekitar – Kelulusan Menduduki.
 - ii. Kelulusan Kerajaan Negeri (UPEN-Unit Perancang Ekonomi Negeri) / Kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan persekutuan atau negeri yang berkaitan.
 - b. Sumber Bekalan FFB
 - i. Permohonan lesen bagi aktiviti membina kilang buah kelapa sawit perlu mengemukakan bukti keluasan ladang sekurang-kurangnya 4,000 hektar yang telah ditanam dengan kelapa sawit dan akan berhasil apabila kilang dijangka beroperasi.
 - ii. Keluasan ladang bagi perkara (i) di atas boleh terdiri daripada:
 - a) Ladang sendir i/ kumpulan / subsidiari / sekutu; dan/atau
 - b) Ladang atau kebun luar dengan mengemukakan surat perjanjian jangka panjang (melebihi 3 tahun) bekalan buah kelapa sawit dan tidak terikat / bertindih dengan perjanjian bekalan untuk membekal buah kelapa sawit kepada mana-mana pembinaan kilang buah kelapa sawit (MB) yang lain.
 - c) Sumber bekalan buah kelapa sawit bagi perkara (a) dan (b) hendaklah berada dalam jarak 200 km.
 5. Pengurusan Gas Metana dan Biogas.
Berkuatkuasa mulai 1 Januari 2014, satu (1) syarat baru permohonan lesen telah dikenakan di mana kilang - kilang baru mesti mempunyai kemudahan alat pemerangkapan atau pengelakkan pelepasan gas metana.

KILANG BUAH KELAPA SAWIT - AMBIL ALIH (MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Menjalankan aktiviti mengilang buah kelapa sawit (FFB) dengan mengambil alih aset kilang sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.

2. Modal: RM 5,000,000.00

Bukti modal:

- i. Borang 24 bagi Syarikat Sdn Bhd / Bhd.
- ii. Penyata Bank (terkini) bagi perniagaan Perseorangan / Enterprise / Perkongsian / Agensi Kerajaan.
- iii. Koperasi - Pemilikan Syer.

3. Pemilikan Premis.

Pemilikan sah ke atas tanah / premis.

- i. Pemilikan kekal (*free hold*); atau
- ii. Pegangan Pajakan Negeri (*State Lease hold*)

Bukti Pemilikan:

Surat hakmilik tanah atau perjanjian jual beli.

4. Prasarana (Kesesuaian Premis).

Kelulusan Agensi Lain.

- i. Jabatan Alam Sekitar – Kelulusan Menduduki.
- ii. Kelulusan Kerajaan Negeri (UPEN-Unit Perancang Ekonomi Negeri) / Kementerian / Jabatan / Agensi kerajaan persekutuan atau negeri yang berkaitan.

KILANG BUAH KELAPA SAWIT (TAMBAHAN DAYA PEMROSESAN) (MF)

BENTUK PERNIAGAAN

Untuk menambah daya pemrosesan kilang buah kelapa sawit sedia ada.

AKTIVITI

1. Menjual dan mengalih FFB, CPO, PK, SPO.
2. Membeli dan mengalih FFB, CPO, PK.
3. Menyimpan CPO, PK, SPO.
4. Mengeksport FFB, CPO, PK, SPO.
5. Mengilang FFB.

KRITERIA

1. Entiti Perniagaan Yang Sah.
2. Prasarana (Kesesuaian Premis).
Kelulusan Agensi Lain.
Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar negeri selari dengan keupayaan yang dipohon untuk tambahan daya pemrosesan kilang tersebut.

(Pengiraan: ___ tm x 20 jam x 25 hari x 12 bulan = tm/thn)
3. Kajian Fesibiliti.
